



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor



MODUL PINTAS 2018 TINGKATAN 5

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

September/Oktober

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

1 Maklumat berikut merujuk kepada ciri-ciri sejenis perniagaan.

- | | |
|----------------------------------|--|
| • Kewujudan tidak berterusan | • Bilangan ahli minimum dua orang |
| • Liabiliti pemilik tidak terhad | • Membayar cukai pendapatan perseorangan |

Apakah jenis perniagaan yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Kedai Murni Melati
- B Klinik Murni dan Melati
- C Syarikat Murni Melati Berhad
- D Syarikat Murni Melati Sendirian Berhad

2 Apakah urusan niaga yang akan menambahkan jumlah ekuiti pemilik?

- A Menerima diskaun tunai
- B Membayar belanja promosi
- C Membeli perabot secara kredit
- D Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi

3 Maklumat berikut adalah pasangan akaun berkaitan berserta catatan kontra bagi Perniagaan Ayu. Pilih padanan yang betul.

	Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
I	Jualan	Pulangan Keluar
II	Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Terima
III	Modal	Ambilan
IV	Aset Bukan Semasa	Susut Nilai Berkumpul

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Maklumat berikut adalah urus niaga yang berlaku di Kedai Komputer Bizcom.

Pemilik perniagaan telah mengambil dua buah komputer berkos RM2 500 seunit untuk kegunaan pejabat.

Apakah dokumen yang digunakan?

- A Memo
 - B Invois
 - C Nota Debit
 - D Nota Kredit
- 5 Dokumen 1 diterima oleh Syarikat Millenium.

SALINAN	Sweety Toys Enterprise 111, Jalan Serendah 8/2 32100 Serdang	NB 2341
NOTA DEBIT		
Kepada Syarikat Millenium 55, Jalan Warisan Mulia 45200 Petaling Jaya		23 Februari 2017
No Invois	Keterangan	Jumlah (RM)
2002	Harga 5 unit Toys Box terkurang caj RM180 seunit (5 x RM180). Tolak : Diskaun niaga 20 %	900 180
Jumlah		720
(Ringgit : Tujuh ratus dua puluh sahaja)		
		<i>Merry</i> T.T Pengurus

Dokumen 1

Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh kerani akaun Sweety Toys Enterprise untuk merekod urus niaga tersebut?

- A Jurnal Belian
- B Jurnal Jualan
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pulangan Jualan

- 6 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Secret Taste bagi bulan Mac 2017.

	RM
Jumlah penerimaan	200
Jumlah pembayaran	165
Baki akhir bulan	35

Berapakah jumlah wang yang dibayar balik mengikut Sistem Panjar?

- A RM35
 B RM165
 C RM200
 D RM365
- 7 Pemilik Kedai Perabot White Furniture mengambil sebuah rak fail untuk kegunaan pejabat. Catatan manakah yang tepat untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Ambilan	Akaun Belian
B	Akaun Ambilan	Akaun Perabot
C	Akaun Perabot	Akaun Jualan
D	Akaun Perabot	Akaun Belian

- 8 Apakah butir yang dicatatkan di sebelah debit Akaun Kawalan Belum Bayar?
- I Diskaun diberi
 II Diskaun diterima
 III Pulangan keluar
 IV Angkutan masuk
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 9 Catatan Imbangan Duga yang manakah benar?

	Debit	Kredit
A	Inventori awal	Inventori akhir
B	Akaun Belum Terima	Akaun Belum Bayar
C	Sewa diterima	Sewa dibayar
D	Modal	Ambilan

- 10 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Syarikat Bala pada 31 Mei 2018.

	RM
Perabot	15 000
Kenderaan	12 000
Akaun Belum Terima	5 000
Susut Nilai Berkumpul Perabot	1 500

Berapakah jumlah aset bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM25 500
 B RM27 000
 C RM30 500
 D RM32 000
- 11 Pernyataan manakah yang benar mengenai Sistem Inventori Berterusan?
- A Nilai inventori akhir kurang tepat
 B Lazimnya digunakan oleh kedai runcit
 C Dikira pada akhir tempoh perakaunan sahaja
 D Pergerakan inventori direkodkan sepanjang masa

- 12 Maklumat berikut dipetik daripada buku perakaunan Kedai Optical Suria.
Pilih catatan penutup yang betul bagi Akaun Kadar Bayaran.

A

Akaun Kadar Bayaran							
2018			RM	2018			RM
Jun 30	Akaun		2 000	Jun 30	Bank		2 000
	Perdagangan						

B

Akaun Kadar Bayaran							
2018			RM	2018			RM
Jun 30	Bank		2 000	Jun 30	Akaun		2 000
					Perdagangan		

C

Akaun Kadar Bayaran							
2018			RM	2018			RM
Jun 30	Akaun Untung		2 000	Jun 30	Bank		2 000
	Rugi						

D

Akaun Kadar Bayaran							
2018			RM	2018			RM
Jun 30	Bank		2 000	Jun 30	Akaun Untung		2 000
					Rugi		

- 13 Maklumat Imbangan Duga berikut dipetik daripada Perniagaan Parvin Bakery.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2018

	Debit	Kredit
	RM	RM
Komisen diterima		1 300
Komisen belum terima	300	

Berapakah jumlah komisen yang sepatutnya diterima bagi tahun kewangan 2018?

- A RM300
B RM1 100
C RM1 300
D RM1 600

- 14 Antara berikut, pengelasan akaun nominal manakah yang betul?

	Butir	Pengelasan
I	Komisen belum terima	Aset
II	Sewa belum bayar	Liabiliti
III	Faedah belum terperoleh	Aset
IV	Insurans prabayar	Liabiliti

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 15 Maklumat Imbangan Duga berikut dipetik daripada Syarikat Khairul.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2018

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	6 000	
Peruntukan hutang ragu		160

Syarikat telah memutuskan bahawa 3% daripada Akaun Belum Terima diwujudkan sebagai peruntukan hutang ragu.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM140
B RM160
C RM180
D RM200
- 16 Maklumat berikut merupakan formula mengira susut nilai aset yang digunakan oleh Sarina Trading.

$$\text{Susut Nilai} = \text{Baki Awal Aset} + \text{Belian Aset Baru} - \text{Baki Akhir Aset}$$

Apakah kaedah yang digunakan?

- A Garis lurus
B Ansuran tetap
C Penilaian semula
D Baki berkurangan

- 17 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Runcit Ehsan pada 31 Januari 2018.

	RM
Perabot (Kos)	8 000
Susut nilai terkumpul	1 600

Perabot tersebut dijual pada harga RM6 250 pada 31 Januari 2018.

Berapakah untung atau rugi pelupusan perabot tersebut?

- A Untung pelupusan RM450
 B Untung pelupusan RM150
 C Rugi pelupusan RM150
 D Rugi pelupusan RM450
- 18 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Delta.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2018 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Sewa	4 950	

Sewa hanya dibayar untuk sembilan bulan bagi tempoh kewangan 31 Ogos 2018.

Berapakah jumlah sewa yang perlu direkodkan dalam Imbangan Duga Terlaras?

- A RM1 650
 B RM5 550
 C RM6 050
 D RM6 600
- 19 Maklumat yang berikut dipetik daripada buku Syarikat Merlin Bhd pada 31 Mac 2018.

Insurans sebulan ialah RM1 200. Syarikat telah membayar insurans sebanyak RM16 800 bagi tahun kewangan 31 Mac 2018.

Apakah catatan yang betul dalam Penyata Kewangan?

	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi		Penyata Kedudukan Kewangan	
A	Insurans	RM14 000	Insurans belum bayar	RM2 400
B	Insurans	RM14 400	Insurans prabayar	RM2 400
C	Insurans	RM15 600	Insurans belum bayar	RM2 400
D	Insurans	RM16 800	Insurans prabayar	RM2 400

- 20 Imbangan Duga Perniagaan Nazam pada 30 April 2018 tidak seimbang kerana jumlah kredit melebihi jumlah debit sebanyak RM800.

Apakah kesilapan yang mungkin berlaku?

- A Belian secara kredit RM800 belum dicatatkan dalam Akaun Belian
- B Diskaun diterima RM800 belum direkodkan dalam Akaun Diskaun Diterima
- C Jualan perabot lama bernilai RM800 telah dikreditkan dalam Akaun Lengkapan
- D Bayaran cek RM800 kepada pembekal belum direkodkan dalam mana-mana buku

- 21 Urus niaga berikut berlaku dalam Perniagaan Rempah Muthus.

Belanja memperbaiki kenderaan sebanyak RM2 000 telah direkodkan ke dalam Akaun Kenderaan.

Pilih kenyataan yang tepat tentang untung kasar dan untung bersih.

	Sebelum pembedulan kesilapan		Selepas pembedulan kesilapan	
	Untung kasar	Untung bersih	Untung kasar	Untung bersih
A	Bertambah	Tiada Kesan	Berkurang	Tiada Kesan
B	Berkurang	Tiada Kesan	Bertambah	Tiada Kesan
C	Tiada Kesan	Bertambah	Tiada Kesan	Berkurang
D	Tiada Kesan	Berkurang	Tiada Kesan	Bertambah

- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Akma pada 31 Disember 2017.

Inventori purata	RM19 000
Untung kasar	RM42 400
Kadar pusing ganti inventori	4 kali

Berapakah kos jualan?

- A RM93 600
- B RM76 000
- C RM61 400
- D RM47 150

- 23 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Subha.

	RM
Modal pada 1 Januari 2017	42 600
Modal pada 31 Disember 2017	47 600
Ambilan sepanjang tahun 2017	3 520

Hitung untung yang diperoleh oleh Perniagaan Subha pada 31 Disember 2017.

- A Untung RM8 520
 B Untung RM5 000
 C Untung RM4 520
 D Untung RM1 000
- 24 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Rozita yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2017	8 590
Belian kredit	30 520
Diskaun diterima	1 700
Pulangan belian	2 240

Berapakah jumlah pembayaran kepada Akaun Belum Bayar bagi tahun berakhir 31 Disember 2017?

- A RM19 570
 B RM22 970
 C RM35 170
 D RM39 110
- 25 Kawalan tunai merupakan kawalan dalaman yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian wang tunai.
- Apakah tujuan kawalan tunai disediakan?
- A Dapat mengemas kini maklumat wang tunai
 B Mengetahui jumlah tunai dibayar dan diterima
 C Memastikan aktiviti perniagaan berjalan dengan lancar
 D Mengurangkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai

26. Pilih butiran yang direkod dalam Buku Tunai yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
- I Pindahan kredit
 - II Faedah atas overdraf
 - III Cek belum dikemukakan
 - IV Deposit belum dikreditkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
27. Urus niaga manakah yang akan diambil kira dalam penyediaan Penyata Belanjawan Tunai?
- A Susut nilai kenderaan
 - B Ansuran bulanan kenderaan
 - C Kenderaan dibeli secara kredit
 - D Membawa masuk kenderaan sebagai modal
28. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?
- A Ikatan Perkongsian
 - B Perjanjian Perkongsian
 - C Akta Perkongsian 1961
 - D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
29. Maklumat berikut diperolehi daripada perkongsian Hanani dan Hanita pada 31 Disember 2018 yang berkongsi untung dan rugi sama rata.

	RM
Untung bersih	8 500
Faedah atas ambilan	80
Gaji tahunan Hanita	2 400

Maklumat tambahan:

Gaji yang telah dibayar kepada Hanita sebanyak RM700.

Berapakah kongsi untung setiap pekongsi?

- A RM1 540
- B RM2 260
- C RM2 740
- D RM3 090

30 Apakah butir yang sesuai bagi ruangan **Ekuiti Pemilik** dalam Penyata Kedudukan Kewangan perkongsian?

- I Ambilan rakan kongsi
- II Keuntungan rakan kongsi
- III Akaun modal rakan kongsi
- IV Akaun semasa rakan kongsi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Pernyataan manakah yang betul tentang ciri saham biasa dan saham keutamaan?

	Saham Biasa	Saham Keutamaan
A	Kadar dividen tetap	Kadar dividen berubah
B	Dividen dibayar sebelum saham keutamaan	Dividen dibayar selepas saham biasa
C	Pemegang saham berhak mengundi dalam mesyuarat agung syarikat	Pemegang saham tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung syarikat
D	Tuntutan ke atas aset didahulukan jika syarikat dibubarkan	Tuntutan ke atas aset diperoleh selepas saham biasa

- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah Perniagaan Maju Jaya pada 31 Mei 2017.

Kunci Kira-Kira pada 31 Mei 2017			
Aset Bukan Semasa	RM	Ekuiti Pemilik	RM
Kenderaan	30 000	Modal A	30 000
Alatan pejabat	20 000	Modal B	30 000
Perabot	10 000		
Aset Semasa		Liabiliti Semasa	
Bank	10 000	Akaun Belum Bayar	10 000

Semasa proses pembubaran, semua aset dijual pada harga RM70 000, liabiliti dijelaskan sepenuhnya pada harga RM9 000 dan belanja realisasi berjumlah RM600. Belanja sewa sebanyak RM400 baru dijumpai semasa pembubaran.

Berapakah untung atau rugi realisasi?

- A Untung realisasi RM9 000
 B Untung realisasi RM1 000
 C Rugi realisasi RM9 000
 D Rugi realisasi RM1 000
- 33 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat TST Berhad.

- Modal diterbitkan 300 000 unit syer biasa RM2 sesyer

Semua syer yang diterbitkan dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal diterbitkan?

- A RM300 000
 B RM600 000
 C RM1 400 000
 D RM2 000 000

34 Antara berikut, manakah yang diperuntukkan dalam Akta Perkongsian 1961?

- | | |
|-----|--|
| I | Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal |
| II | Semua pekongsi tidak berhak menerima gaji, elaun atau bonus |
| III | Semua pekongsi tidak dibenarkan menerima faedah atas modal |
| IV | Setiap pekongsi tidak boleh terlibat dalam pengurusan perniagaan |
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |

35 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat DST Berhad pada 31 Disember 2017.

Modal diterbitkan dan dibayar penuh:

- 1 000 000 unit 6 % Syer Keutamaan bernilai RM2.00 sesyer
4 000 000 unit Syer Biasa bernilai RM0.50 sesyer

Lembaga pengarah syarikat telah bersetuju untuk membayar dividen 12 sen bagi setiap syer biasa yang dipohon oleh pelanggannya.

Berapakah dividen yang dibayar oleh Syarikat DST Berhad kepada pemegang syer biasa?

- A RM240 000
B RM480 000
C RM600 000
D RM840 000

- 36 Kelab Rekreasi Bukit Tinggi mempunyai ahli seramai 200 orang. Berikut adalah petikan daripada buku kewangan kelab pada 31 Disember 2017.

Butir	RM
Yuran tahunan	150
Yuran belum terperoleh pada 1 Jan 2017	240
Yuran belum terima pada 31 Dis 2017	720
Yuran belum terperoleh pada 31 Dis 2017	100

Berapakah jumlah yuran yang akan direkod dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran?

- A RM28 940
 B RM29 140
 C RM30 000
 D RM30 860
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan Kelab Cinta Sayang.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017			
	RM		RM
Dobi	210	Derma am	330
Biasiswa	2 460	Sewa loker	274
Susut nilaiengkapan	340	Q	1 510

Apakah butir yang bersesuaian untuk Q?

- A Gaji dan upah
 B Pembekal minuman
 C Yuran pertandingan
 D Belanja pesta ria

- 38 Maklumat berikut diperolehi daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran sebuah kelab renang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Yuran 2016	170
Yuran 2017	2 880
Yuran 2018	200

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran belum terima pada 1 Januari 2017 ialah RM190. Yuran belum terima bagi tahun 2016 hendaklah dihapuskan sebagai yuran lapuk.
 (ii) Yuran belum terima pada 31 Disember 2017 ialah RM230.

Hitungkan yuran yang akan dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

- A RM2 390
 B RM2 920
 C RM3 110
 D RM3 310
- 39 Mahkamah mengarahkan Kilang Mega Berhad, sebuah kilang perabot menghentikan operasinya selama sebulan kerana menyalahi undang-undang alam sekitar.
- Apakah jenis kos yang perlu ditanggung oleh kilang tersebut?
- A Kos tetap
 B Kos berubah
 C Kos pengeluaran
 D Kos bahan langsung
- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran jem madu yang dikeluarkan oleh Kilang Azfa.

Harga jualan seunit	RM28
Kos berubah seunit	RM20
Titik pulang modal	50 000 unit

Berapakah kos tetap bagi pengeluaran tersebut?

- A RM100 000
 B RM200 000
 C RM300 000
 D RM400 000

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT